



## **DASAR SISTEM PENGURUSAN KUALITI (MS ISO 9001:2015) POLITEKNIK KUCHING SARAWAK**

### **Dasar Kualiti PKS adalah seperti berikut:**

”Membangunkan potensi pelajar ke arah kecemerlangan dalam bidang kejuruteraan, perdagangan dan teknologi maklumat dan komunikasi melalui penambahbaikan yang menyeluruh secara berterusan. PKS beriltizam untuk memastikan kehendak pelanggan dipenuhi melalui pencapaian objektif-objektif kualiti yang disemak secara berkala bagi memastikan keberkesanan sistem. Dasar ini disebarikan untuk difahami oleh semua peringkat staf PKS”.

### **Objektif Kualiti PKS**

#### **a) Objektif Kualiti (Kecemerlangan Akademik)**

- i) Memastikan kadar kelulusan bagi setiap program tidak kurang daripada 90% bagi setiap semester.
- ii) Memastikan sekurang-kurangnya 25% daripada pelajar yang lulus mencapai PNM 3.00 atau lebih untuk setiap program bagi setiap semester.
- iii) Memastikan sekurang-kurangnya 80% daripada pelajar mencapai sekurang-kurangnya 50% bagi setiap hasil pembelajaran kursus (CLO) bagi setiap semester.
- iv) Memastikan semua pelajar yang tamat pengajian mencapai sekurang-kurangnya 50% bagi setiap hasil pembelajaran program (PLO).

#### **b) Objektif Kualiti (Kecemerlangan Staf)**

- i) Memastikan setiap staf mencapai sekurang-kurangnya bilangan hari berkursus minimum yang ditetapkan oleh JPA, KPT dan JPPKK dari semasa ke semasa merujuk kepada Surat Pekeliling semasa.
- ii) Semua Pensyarah Akademik mencapai sekurang-kurangnya 85% markah pemantauan pembelajaran dan pengajaran.

#### **c) Objektif Kualiti (Kecemerlangan Proses)**

Memastikan semua prosedur dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai petunjuk prestasi yang ditetapkan.